



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR


**NAMA KURSUS : EKONOMI ISLAM**  
**KOD KURSUS : DPI2183**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 4 HALAMAN BERGETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Terangkan **lima (5)** rukun dalam kontrak *Mudharabah*.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Dalam mengenakan cukai, kerajaan Islam perlu memastikan cukai itu mestilah berasaskan prinsip-prinsip tertentu. Huraikan **lima (5)** prinsip tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **lima (5)** ciri kehendak manusia.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w yang telah tertulis sebagai *mashaf* dan disampaikan kepada kita secara *mutawatir* tanpa sebarang kekeliruan serta membacanya adalah suatu ibadat. Jelaskan **lima (5)** ciri khusus al-Quran yang membezakannya dari kitab-kitab lain.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.  
Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Berikan definisi pertukaran. (2 markah)
- b. Jelaskan dengan ringkas **tiga (3)** rukun dalam pembentukan kontrak. (9 markah)
- c. Jelaskan perbezaan antara kontrak sahih dan kontrak tidak sahih. (4 markah)

**SOALAN 2**

- a. Bezakan objektif pengeluaran antara perspektif konvensional dan Islam. (3 markah)
- b. Jelaskan klasifikasi keperluan manusia yang berikut menurut perspektif konvensional:
  - i. Keperluan asas.
  - ii. Keperluan barang-barang mewah.(4 markah)
- c. Huraikan **empat (4)** faktor pengeluaran mengikut perspektif Islam. (8 markah)

**SOALAN 3**

Pengagihan dalam Islam adalah satu mekanisme yang berperanan agar harta dan kekayaan tidak hanya beredar dalam kalangan segelintir masyarakat negara ini. Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Huraikan **tiga (3)** instrumen pengagihan dalam Islam.  
(6 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** matlamat pengagihan harta dalam Islam.  
(9 markah)

**SOALAN 4**

- a. Jelaskan **dua (2)** perbezaan antara kontrak *Musyarakah* dan *Mudharabah*.  
(5 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** falsafah penggunaan dalam Islam.  
(10 markah)

**SOALAN 5**

- a. Berikan definisi *khiyar*.  
(2 markah)
- b. Bezakan **dua (2)** jenis *khiyar* yang berikut :
  - i. *Khiyar Syarat*.
  - ii. *Khiyar Aib*.  
(4 markah)
- c. Bincangkan **tiga (3)** kepentingan *khiyar* dalam muamalah Islam.  
(9 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

O

O